

# USIM peruntuk RM3.1 juta lonjak bidang penyelidikan



ASMA Ismail (tengah, bertudung) berbincang bersama kakitangan akademik selepas menyampaikan Takiimat Agihan Bajet USIM 2013 di Seremban, baru-baru ini.

SEREMBAN 22 Jan. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperuntukkan bajet lebih RM3.1 juta dalam usaha melonjakkan bidang penyelidikan dan pengajian universiti berkenaan bagi 2013.

Naib Canselor USIM, Prof. Dr. Asma Ismail berkata, peruntukan itu meliputi penyelidikan, perbelanjaan menghadiri persidangan, insentif termasuk alat bantuan mengajar.

“Meskipun bajet ini tidak besar, namun kekangan peruntukan yang disalurkan tahun ini tidak seharusnya dijadikan penghalang bagi universiti melonjakkan kecemerlangan terutamanya dalam bidang penyelidikan.

“Untuk itu kita akan mewujudkan mekanisme terbaik sekali gus menggunakan peruntukan dengan sebaik mungkin untuk tujuan tersebut,” katanya selepas menyampaikan Taklimat Agihan Bajet USIM

2013 di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut berhubung bajet 2013 Asma menjelaskan, RM2 juta diperuntukkan bagi menjalankan penyelidikan, RM600,000 bagi perbelanjaan pensyarah menghadiri persidangan dalam dan luar negara serta RM200,000 untuk bayaran insentif jurnal berimpak.

“Untuk tahun ini juga kita memperuntukkan sebanyak RM300,000 kepada penuntut di peringkat sarjana dan doktor falsafah (Ph.D) USIM untuk menyertai persidangan dalam dan luar negara,” ujarnya.

Katanya, bagi mewujudkan suasana yang kondusif bagi kakitangan akademik, pihaknya akan mengagihkan peralatan bagi memudahkan operasi pengajaran serta penyelidikan.

“Melalui peruntukan khusus setiap pensyarah layak diberikan set komputer atau netbook serta mesin pencetak sebagai alat bantu untuk

pensyarah menjalankan penyelidikan dalam suasana yang lebih baik dan lebih pantas.

“Dalam masa sama ia juga dapat digunakan untuk meningkatkan lagi mutu penyampaian Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) mereka. Para tutor juga tidak ketinggalan menerima kemudahan ini dalam fasa seterusnya,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Asma memberitahu, kelajuan serta capaian internet di universiti berkenaan akan ditingkatkan menjelang April ini.

“Buat masa ini kelajuan internet adalah pada kadar 36 Megabit sesaat (Mbps) dan akan dipertingkatkan kepada 100 Mbps menjelang tempoh tersebut.

“Peningkatan ini pastinya akan memudahkan akses serta capaian internet pada kelajuan lebih pantas sama ada dari dalam atau luar kampus,” katanya.